

29 FEB 1996

PBB-Majlis

MALAYSIA SOKONG WAKIL TETAP SERANTAU DALAM MAJLIS KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 29 Feb (Bernama) -- Malaysia menyokong pengwujudan satu bentuk perwakilan tetap serantau dalam penyusunan semula Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu berbanding perwakilan yang semata-mata berasaskan kuasa.

Wakil Tetapnya ke PBB Tan Sri Razali Ismail berkata semangat keserantauan telah terbentuk kerana ia memelihara kepentingan semua negara besar atau kecil, lemah ataupun yang kuat.

Pada peringkat politik dan keselamatan, peranan serantau dalam keselamatan sejagat tidak boleh diketepikan atau dikurangkan, katanya dalam satu kenyataan pada perbincangan kumpulan kerja mengenai persoalan perwakilan sama rata dan pertambahan keanggotaan Majlis Keselamatan serta perkara berkaitan di New York. Teks kenyataannya difakskan ke Bernama oleh Wisma Putra hari ini.

Razali berkata memandangkan pentingnya peranan keserantauan, Malaysia menyokong satu bentuk perwakilan serantau dalam majlis itu berbanding perwakilan berasaskan semata-mata terhadap kuasa yang ditekankan oleh negara individu.

Beliau berkata: "Kami percaya bahawa perwakilan tetap serantau merupakan satu-satunya cara untuk meneruskan isu keanggotaan tetap."

Buat masa ini Majlis Keselamatan yang begitu berkuasa mengandungi 15 anggota, lima daripadanya anggota tetap. Selebihnya merupakan yang dipilih untuk tempoh dua tahun oleh perhimpunan agung PBB.

Razali berkata kedudukan goncang mereka yang menyokong keanggotaan tetap dan bantahan yang sama kuat terhadapnya menjadikan perbincangan dan penerimaan terhadap keanggotaan serantau mungkin merupakan satu-satunya jalan keluar.

Anggota tetap lima negara itu ialah Britain, China, Perancis, Russia dan Amerika Syarikat.

Dua hari lepas, mendahului mesyuarat pertama Asia-Eropah (Asem) di Bangkok, Perancis menunjukkan kesediaannya untuk menerima satu cadangan bahawa Asean diberikan satu kerusi tetap dalam Majlis Keselamatan yang diperbesarkan keanggotaannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut baik pendirian Perancis berkata adalah satu perkara yang baik jika Asean menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan.

Razali berkata "hakikat yang dihadapi tidak boleh dirumuskan untuk tambahan satu atau dua anggota berdasarkan pertimbangan kuasa sama ada dari segi ketenteraan, ekonomi, tanah dan penduduk."

Bagaimanapun, katanya, hakikatnya juga adalah terbitan kuasa lima anggota tetapnya seperti yang diperuntukkan dalam Piagam PBB tidak boleh diketepikan kecuali dengan persetujuan mereka.

"Tetapi negara-negara di peringkat atasan struktur dunia sendiri tidak boleh mengetepikan perubahan yang berlaku dan ia harus turut dilaksanakan dalam Majlis Keselamatan," katanya. -- BERNAMA

MGM RON